

A. Lengkapkan maklumat dalam peta buih berganda berdasarkan petikan.

Alif ingin menanam cili dan bendi di belakang rumahnya. Dia mendapatkan pandangan dan nasihat daripada bapanya. Bapa Alif memberikan penerangan tentang penanaman cili dan bendi tersebut.

"Biji benih kedua-dua tanaman ini perlu disemai terlebih dahulu. Selepas itu, barulah anak pokok dipindahkan ke dalam pasu atau di atas batas," kata bapanya.

Tanaman itu perlu disiram dua kali sehari, iaitu pada waktu pagi dan petang. Sebatang pancang perlu disediakan sebagai sokongan untuk pokok cili.

"Bilakah tanaman cili dan bendi akan membuahkan hasil?" tanya Alif.

"Hasil tanaman cili boleh dikutip selepas 60 hari. Bendi pula boleh dikutip selepas 50 hari," jelas bapanya.

Cara mengutip kedua-dua tanaman ini agak berbeza. Cili dipetik dengan tangkainya manakala bendi pula perlu dipotong tangkainya.

